



JABATAN PERUMAHAN NEGARA BAHAGIAN PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN

ARAS 31, NO. 51
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 4121 / 4123
Faks : 03-8891 3185
http : <http://ehome.kpkt.gov.my>

Rujukan Kami : () KPKT/07/L/
Tarikh : _____

BL 2 : SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN & PERMIT IKLAN DAN JUALAN

1. Senarai harga jualan bagi baki unit yang masih belum dijual.
2. Satu (1) iklan bagi **Brosur** dan cadangan iklan-iklan lain. **Brosur** dalam Bahasa Malaysia adalah dimestikan.
3. Surat iringan pemaju yang menyatakan tujuan permohonan pembaharuan lesen / permit / lesen & permit.
4. **Surat kelulusan perlanjutan tempoh penyerahan milikan kosong (EOT), sekiranya ada.**

CATATAN

- (i) Iklan brosur dan cadangan iklan-iklan lain hendaklah mencatatkan butiran pemajuan yang lengkap sepertimana kehendak Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989 dengan mencatatkan :
- a) Nombor lesen pemaju **DAN** tempoh sahlaku.
 - b) Nombor permit iklan & jualan **DAN** tempoh sahlaku.
 - c) Nama pemaju berserta alamat lengkap dan no. telefon.
 - d) Jenis **Pegangan** tanah – (Kekal / Bebas, Pajakan, Rizab Melayu) **DAN** **Bebanan** (gadaian) tanah – (nyatakan nama institusi gadaian). Jika berstatus pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah dan sekatan kepentingan hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan.
 - e) Perihalan (spesifikasi) rumah tempat tinggal – termasuk mana-mana tempat letak kereta yang merupakan petak aksesori bagi rumah tempat tinggal dalam sesuatu petak dan yang tidak menjadi sebahagian daripada harta bersama rumah itu.
 - f) Nama pemajuan perumahan (jika ada).
 - g) Tarikh **pemajuan perumahan** dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya.
 - h) Harga jualan **minimum** dan **maksimum** bagi setiap jenis rumah tempat tinggal.
 - i) **Bilangan unit** bagi setiap jenis rumah.
 - j) Nama Pihak Berkuasa (PBT) yang meluluskan pelan bangunan **DAN** nombor rujukannya.
- (ii) Iklan brosur hendaklah mencatatkan **pelan lantai tipikal** dengan **perincian ukuran** ruang yang jelas beserta **spesifikasi** dalam Bahasa Malaysia.
- (iii) Penyataan “.....tertakluk kepada pindaan....” hendaklah dibatalkan / dibuang daripada kesemua iklan.
- (iv) Iklan Radio hendaklah mencatatkan skrip penuh sepertimana yang akan ke udara di media massa.
- (v) Iklan dalam bentuk video yang diiklankan dalam media televisyen, pawagam, internet atau lain- lain media hendaklah dikemukakan dalam “**Storyboard**” penuh dalam bentuk **Powerpoint** atau **PDF** (gambar, skrip dan kenyataan) yang akan dipaparkan.
- (vi) Iklan-iklan yang dicadangkan perlu dimasukkan kenyataan “**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**” menggunakan font Arial (*huruf besar dan saiz font tidak kurang daripada 10*).

***** SILA AMBIL TINDAKAN BAGI DOKUMEN SEPERTI TERSENARAI DI ATAS**

(.....)

b.p. PENGAWAL PERUMAHAN

**BL 2 : SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMAJU
PERUMAHAN SEHINGGA TAMAT TEMPOH KECACATAN LIABILITI (DLP)**

1. Surat iringan pemaju yang menyatakan pemajuan telah mendapat Borang F / surat pengesahan bahawa kesemua unit telah habis jual oleh pemaju dan penguam.
2. Sijil Perakuan Siap dan Layak Menduduki – Borang F (CCC)

***** SILA AMBIL TINDAKAN BAGI DOKUMEN SEPERTI TERSENARAI DI ATAS**

(.....)

b.p. PENGAWAL PERUMAHAN